Jadual 23: Bilangan kes *actual* dan *near miss* mengikut kategori insiden pada tahun 2023.

## 3.2 MEDICATION SAFETY

Keselamatan Pengubatan merupakan satu satu sasaran di dalam *Malaysian Patient Safety Goals 2.0*. Ahli Jawatankuasa (AJK) Keselamatan Pengubatan Hospital Tanah Merah terdiri daripada Pegawai Farmasi. Peranan utama AJK Keselamatan Pengubatan HTM adalah melaporkan insiden yang berkaitan dengan keselamatan pengubatan dan memberikan taklimat atau ceramah yang berkaitan dengan keselamatan pengubatan kepada semua anggota HTM.

### STATISTIK & PENCAPAIAN

Audit Amalan Keselamatan Pengubatan telah dijalankan pada bulan Julai 2023 di wad-wad HTM. Sasaran yang telah ditetapkan adalah peratus fasiliti mencapai pematuhan penuh  $\geq 80\%$  bagi penilaian amalan keselamatan pengubatan. Secara keseluruhan, HTM telah mencapai sasaran Audit Penilaian Amalan Keselamatan 2023.



Rajah 37 : Peratus Markah Penilaian Amalan Keselamatan Pengubatan 2023



## AKTIVITI & LATIHAN

NO	AKTIVITI / TAJUK	BILANGAN
1	Taklimat <i>Medication Error Reporting System</i> (MERS)	9
2	Ceramah Keselamatan Pengubatan	5
3	Bengkel Keselamatan Pengubatan	1
4	Pameran Keselamatan Pengubatan	1

Jadual 24 : Aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023

Data berdasarkan <i>Malaysian Patient Safety Goals</i> (Goal No.3, KPI No. 5)	BILANGAN KES
<i>Total number of Actual Medication Error leading to severe harm or death (ME category F to I).</i>	0
<i>Total number of Actual Medication Error (ME category C to I).</i>	0
<i>Total number of Near-Miss Medication Error.</i>	81

Jadual 25: Laporan kesilapan pengubatan yang dilaporkan dalam MERS

## KESIMPULAN

Keselamatan Pengubatan telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2023 bagi meningkatkan kesedaran mengenai kesilapan pengubatan di kalangan anggota kesihatan HTM.





## 3.3 TRANSFUSION SAFETY

Jabatan Patologi dan Transfusi Hospital Tanah Merah memainkan peranan dalam memastikan bekalan darah yang mencukupi, selamat dan berkualiti kepada pesakit yang memerlukan transfusi. Oleh itu, perkhidmatan yang diberikan adalah melibatkan aktiviti pendermaan darah serta transfusi klinikal.

### STATISTIK & PENCAPAIAN




Rajah 38 : Jumlah Kutipan Darah Untuk Tahun 2017 - 2023

Tahun 2023 menunjukkan peningkatan bilangan kutipan darah tertinggi yang berjaya dikumpul berbanding pada tahun sebelumnya. Hospital Tanah Merah telah menyasarkan kutipan darah tahunan adalah sebanyak 3000 unit. Sasaran kutipan darah ini adalah berdasarkan jumlah penggunaan unit darah merah di Hospital Tanah Merah pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 38. HTM telah berjaya mencapai jumlah kutipan darah melebihi daripada sasaran tahunan dengan peratusan pencapaian adalah 18%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kadar promosi serta kempen aktiviti pendermaan darah di dalam dan juga di luar Daerah Tanah Merah.







Rajah 39 : Perbandingan Jumlah Kutipan Darah Dan Penggunaan Unit Darah Merah Bagi Tempoh Tahun 2017 Hingga 2023

Rajah 39 menunjukkan tren peningkatan penggunaan unit darah merah di HTM setiap tahun selari dengan perkhidmatan klinikal yang ditawarkan. Pada tahun 2023, pertama kali di HTM merekodkan jumlah kutipan beg darah melebihi jumlah penggunaan unit darah merah sebanyak 18.4%.

Pada tahun sebelumnya penggunaan unit darah merah adalah melebihi jumlah kutipan tahunan. Walaubagaimanapun, dengan jumlah kutipan semakin meningkat menunjukkan jumlah jurang peratusan antara kutipan dan penggunaan unit darah adalah semakin mengecil saban tahun sehingga pada tahun 2023, jumlah kutipan berjaya mengatasi jumlah penggunaan unit darah merah.

Sasaran untuk mengumpul 3000 unit darah pada tahun 2023 adalah dengan mengambil kira penggunaan unit darah pada tahun 2022 sebanyak 2874 unit. Ianya juga termasuk dengan keperluan penggunaan unit darah Hospital Jeli bagi Hospital Kluster Kelantan Barat.

	2021		2022		2023	
	Kutipan	Penggunaan	Kutipan	Penggunaan	Kutipan	Penggunaan
<b>HTM</b>	2163	2452	2831	2874	3457	2901
<b>HJ</b>	45	337	65	302	96	235

Jadual 26: Bilangan Kutipan dan Penggunaan Unit Darah Merah untuk Hospital Kluster Kelantan Barat bagi Tahun 2021-2023.


JABATAN	TAHUN 2022	TAHUN 2023
Perubatan	1.18	1.17
Pembedahan	1.39	1.36
Ortopedik	1.37	1.62
Obstetrik & Ginekologi	2.34	2.21
Pediatrik	1.03	1.04
Kecemasan	1.23	1.33
Bius	1.52	1.42

Jadual 27: Jumlah *Crossmatch Transfusion Ratio* (CT Ratio) Unit Darah Merah Berdasarkan Jabatan Di HTM Bagi Tahun 2022-2023

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi mencapai CT Ratio melebihi 2.0 dengan merekodkan penurunan julat pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Sasaran CT ratio yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah < 2.0.

Bagi lain-lain jabatan menunjukkan jumlah CT Ratio < 2.0 . Jumlah keseluruhan CT Ratio Hospital Tanah Merah pada tahun 2023 adalah 1.41 dan mencapai sasaran yang ditetapkan.






Rajah 40 : Jumlah Unit Darah Untuk 'Crossmatching' Berbanding Transfusi Darah Sepanjang Tahun 2023 Mengikut Jabatan.

Rajah 40 menunjukkan jumlah keseluruhan bilangan ujian *crossmatching* dan unit darah yang diterima oleh pesakit. Pencapaian ini adalah berdasarkan kerjasama pihak klinikal dalam mengenalpasti pesakit yang memerlukan transfusi darah, memastikan pesakit yang memerlukan transfusi sahaja dipohon bagi ujian *crossmatching* dan kepatuhan terhadap *Maximum Surgical Blood Order Schedule*.



Rajah 41 : Peratusan Unit Darah Merah luput pada tahun 2018-2023

Peratusan sel darah merah luput pada tahun 2023 adalah sebanyak 1.42% iaitu mencapai sasaran *key performance* indikator KKM yang menetapkan sasaran untuk sel darah merah luput adalah kurang daripada 2%. Pencapaian ini adalah melalui pengurusan bekalan stok darah yang lebih baik dengan semakan kembali paras stok darah harian dan pemantauan berterusan oleh petugas serta penyelia bagi mengurangkan kadar pembaziran melalui *red cell expiry*.



Rajah 42 : Jumlah Bilangan Kes *Adverse Transfusion Reaction*, *Nearmiss* Dan *Transfusion Error* Bagi Tempoh 2019 Hingga 2023.

Pada Tahun 2023, terdapat 27 kes *transfusion reaction*, 2 kes *near miss*, dan tiada kes *transfusion error*. Penambahbaikan dari segi *transfusion error* yang tidak merekodkan kes pada tahun 2023 berbanding 1 kes pada tahun sebelumnya 2022. Pendidikan secara berterusan diberikan kepada petugas kesihatan yang terlibat dengan proses transfusi seperti sesi orientasi kepada petugas yang dikenalpasti serta melalui latihan berkala.

Jenis Komponen Darah	2019	2020	2021	2022	2023
FFP	4	9	5	10	6
Red Cell	16	15	17	26	17
Platelet Concentrate	0	0	2	3	3
Cryoprecipitate	0	0	0	0	1
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>24</b>	<b>24</b>	<b>39</b>	<b>27</b>

Jadual 28: Bilangan kes *adverse transfusion reaction* mengikut jenis komponen darah

Jadual 28 menunjukkan perincian jenis komponen komponen darah dan jenis *transfusion reaction* bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023.



<b>Jenis Transfusion Reaction</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
<i>Febrile Non-Haemolytic Reaction</i>	2	4	5	12	8
<i>Mild(Rash/Urticaria)</i>	18	20	19	27	18
<i>Anaphylactoid</i>	0	0	0	0	1
<i>Anaphylactic</i>	0	0	0	0	1
Lain-Lain	0	0	0	0	0

Jadual 29 : Bilangan jenis *transfusion reaction* bagi tahun 2019-2023

## KESIMPULAN

Perkhidmatan Perubatan Transfusi di Hospital Tanah Merah pada tahun 2023 telah berjaya mencapai sasaran kutipan darah tahunan, memenuhi permintaan bekalan darah merah yang diperlukan oleh pesakit, mencapai sasaran KKM bagi *CT Ratio* serta *Red Cell expiry rate* dan melengkapkan laporan hemovigilan berdasarkan garis panduan semasa. Parameter yang dilaporkan adalah bagi memastikan darah serta komponen darah adalah mencukupi, selamat, berkualiti dan sedia dibekalkan kepada pesakit yang memerlukan transfusi darah semasa menerima rawatan di Hospital Tanah Merah.



# 3.4 PERI OPERATIVE MORTALITY REVIEW (POMR)

Perioperative Mortality Review (POMR) merupakan kajian di peringkat kebangsaan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menjurus kepada kadar mortaliti dalam tempoh pesakit berada di hospital dan menjalani pembedahan. POMR telah diwujudkan di Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1990 yang pada ketika itu bertujuan untuk melihat tatacara kerja klinikal dan mengenalpasti langkah – langkah pembaikan dalam pembiusan dan pembedahan. Pada ketika itu hanya melibatkan 4 buah hospital sahaja. Pada tahun 1994 POMR telah diperluaskan dan melibatkan 14 buah Hospital Besar. Di Hospital Tanah Merah, POMR telah bermula pada tahun 2005 melibatkan kes –kes mortaliti semasa dan selepas pembedahan yang melibatkan pembiusan Am atau *Regional Anaesthesia* selama pesakit berada di hospital sebelum dibenarkan pulang.

## PENCAPAIAN

		REKEN BULANAN POMR BAGI 2023								JENIS PEMBEDAHAN		JUMLAH KES KEMATIAN DALAM 24 JAM POST-OP	
JUMLAH MENGIKUT DISIPLIN	KES	ENT	KARDIO	NEURO	OAG	ORTOPEDIK	PAEDIATRIK	SURGERI	LAM LAIN	JUMLAH	EM	EL	
1	Januari	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	Februari	0	0	0	0	1	0	0	0	1	1	0	0
3	Mac	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	April	0	0	0	0	1	0	0	0	1	1	0	0
5	Mei	0	0	0	0	2	0	1	0	3	3	0	0
6	Jun	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1	0	0
7	Julai	0	0	0	0	1	0	0	0	1	1	0	0
8	Ogos	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	September	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	Oktober	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11	November	0	0	0	0	0	1	0	0	1	1	0	0
12	Disember	0	0	0	0	1	0	0	0	1	1	0	0
Jumlah		0	0	0	0	6	1	2	0	9	9	0	0


Jadual 30: Jumlah kes POMR mengikut disiplin Januari - Disember 2023

Jadual 30 menunjukkan Jabatan Ortopedik mencatatkan bilangan kematian paling tinggi sebanyak 6 kes diikuti Jabatan Pembedahan 2 kes dan Jabatan Pediatrik 1 kes. Namun demikian, tiada kematian dalam tempoh 24 jam *post operative* dicatatkan pada tahun lepas. Semua kes kematian yang dicatatkan melibatkan jenis pembedahan kecemasan.



Bil	Aktiviti	Tajuk
1	Bengkel	Bengkel <i>Training of Trainers (TOT) Peri Operative Mortality Review</i> Peringkat Kebangsaan 2023 yang telah dihadiri oleh koordinator POMR HTM
2	Kemaskini data	Mengemaskini data secara online iaitu dengan mengisi Laporan <i>Peri Operative Mortality Review Ministry of Health Malaysia ( Anaesthesia Form V5 )</i>
		Mengemaskini data secara online iaitu dengan mengisi Laporan <i>Peri Operative Mortality Review Ministry of Health Malaysia ( Surgical Form V5 )</i>
		Reten QA-POM2/2018
3	Laporan	Menghantar Laporan <i>Peri Operative Mortality Review Ministry of Health Malaysia ( Anaesthesia Form V5 )</i>
		Menghantar Laporan <i>Peri Operative Mortality Review Ministry of Health Malaysia ( Surgical Form V5 )</i>
		Menghantar Reten QA-POM2/2018 ke POMR Secretariat KKM
4	Pembentangan	Pembentangan dan perbincangan ' POMR; di setiap unit sekiranya berlaku kes kematian

Jadual 31 : Aktiviti POMR



Rajah 43 : Reporting Rate Tahun 2023

## KESIMPULAN

Secara amnya, aktiviti POMR Hospital Tanah Merah telah berjalan dengan lancar untuk mencapai objektif sebagaimana yang telah dirancang dengan mengadakan perbincangan semula bagi kes morbiditi dan kes mortaliti selepas pembedahan. Selain itu, dapat juga mempelajari kekurangan yang ada demi meningkatkan mutu perkhidmatan.

## 3.5 MATERNAL MORTALITY

### 3.5.1 LATAR BELAKANG

Kadar mortaliti dan morbiditi maternal merupakan satu indikator yang penting untuk menilai sejauh mana kualiti perkhidmatan dan penjagaan antenatal, semasa bersalin dan postnatal.

- *Maternal mortality and morbidity review* perlu diadakan secara berkala bertujuan untuk memantau keberkesanan penjagaan ke atas ibu mengandung semasa *intrapartum* dan *postpartum*.
- Mengenalpasti *substandard care* yang wujud di dalam pengurusan ibu mengandung dan kes ibu bersalin.
- Membincangkan pembedahan dan penambahbaikan dalam penjagaan ibu untuk mengelakkan berulangnya kesilapan.
- Meningkatkan mutu perkhidmatan dalam penjagaan ibu mengandung agar kadar mortaliti dan morbiditi di kalangan ibu-ibu hamil dan selepas bersalin dapat dikurangkan.

### 3.5.2 STATISTIK & PENCAPAIAN

Tahun 2023 mencatatkan 0 kes kematian ibu di Hospital Tanah Merah seperti di Jadual 32.

Bil	Tarikh	Nama	K/PRN	Umur	Tempat Kematian	Sebab Kematian
Tiada kes bagi Tahun 2023						

Jadual 32: Bilangan Kes Kematian Ibu

0%

Tiada kes kematian ibu di  
HTM bagi tahun 2023





### 3.5.3 AKTIVITI & LATIHAN

Sepanjang Tahun 2023, beberapa aktiviti seperti kursus, CME/Audit dan *drill* telah dijalankan seperti di Jadual 33 hingga Jadual 35. Selain itu, aktiviti pembelajaran berterusan oleh Pakar Obstetrik & Ginekologi (O&G) turut diberi kepada Pegawai Perubatan Siswazah (PPS), Pegawai Perubatan dan para Jururawat di Dewan Bersalin dan Wad 3.

Tarikh	Tempat	Tajuk Kursus	Sasaran
26-27/9/23	Dewan Mas Merah	<i>Obstetric Life Saving Skills Course</i>	Pegawai Perubatan dan Paramedik
21-22/6/23	Dewan Mas Merah	<i>Basic Ultrasound Course</i>	Pegawai Perubatan dan Paramedik
14/10/23	Hospital Tanah Merah	Karnival Kesihatan HTM	Pegawai Perubatan dan Paramedik Orang Awam
24-25/10/23	Dewan Mas Merah	<i>Obstetric Life Saving Skills Course</i> Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tanah Merah (TM)	Pegawai Perubatan dan Paramedik
Sepanjang Bulan 12	PKD TM, PKD Jeli, Hospital Jeli, Klinik Kesihatan Gual Ipoh dan Klinik Kesihatan Batu Gajah	<i>Road Show Pre Term Birth</i> Di PKD Tanah Merah & PKD Jeli	Pegawai Perubatan dan Paramedik

Jadual 33 : Bilangan Kursus Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2023



Jadual 34: Bilangan *Continuing Medical Education (CME)*, *Continuing Nursing Education (CNE)* Dan Audit Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2023

Tarikh	Tempat	Tajuk Kursus	Sasaran
11/1/23	Klinik O&G	CME HO : <i>Antepartum Haemorrhage</i>	Pegawai Perubatan, PPS
16/1/23	Dewan Mas Merah	<i>Hospital Morbidity Audit- Acute Pulmonary Oedema</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
14/2/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit- PPH And Cord Prolapse</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
15/2/23	Klinik O&G	CME MO : <i>Trauma In Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
21/2/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit- Abruptio Placenta</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
7/3/23	Klinik O&G	CME MO : <i>Management Of Pulmonary Embolism In Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
23/5/23	Klinik O&G	Audit PPH	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
31/5/23	Wad 3	<i>Grand Ward Round</i>	Pegawai Perubatan, PPS
1/6/23	Wad 3	<i>Grand Ward Round</i>	Pegawai Perubatan, PPS
6/6/23	Dewan Bersalin	CNE : <i>Safe Surgery Save Lives</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
6/6/23	Klinik O&G	<i>Step By Step Caesarean Section Techniques</i>	Pegawai Perubatan, PPS
7/6/23	Klinik O&G	CME Medical Student : <i>Hypertensive Disease In Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
14/6/23	Klinik O&G	CME HO : <i>Sepsis In Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
20/6/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit- Post Partum Haemorrhage (PPH)</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
27/6/23	Klinik O&G	<i>Shoulder Dystocia Audit</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
5/7/23	Klinik O&G	CME HO : <i>Miscarriage &amp; Ectopic Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
11/7/23	Klinik O&G	Audit KPI PPH	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
18/7/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit- Uterine Rupture</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
18/7/23	Klinik O&G	CME MO: <i>Surgical Approach Of Uterine Rupture</i>	Pegawai Perubatan, PPS
8/8/23	Klinik O&G	CME HO: <i>Gestational Diabetes Mellitus</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
9/8/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit: Bladder Injury</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
15/8/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit: Oasis</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
16/8/23	Klinik O&G	CME MO: <i>Guideline In Pre Pregnancy Care</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
30/8/23	Klinik O&G	<i>Grand Ward Round</i>	Pegawai Perubatan, PPS
30/8/23	Dewan Mas Merah	Audit Morbiditi Hospital : PPH	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
6/9/23	Klinik O&G	CME MO: <i>How To Handle Critically Ill Patient</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
10/10/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit: Massive APH &amp; PPH</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
7/11/23	Klinik O&G	CNE : <i>Preterm Birth</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
15/11/23	Klinik O&G	CME HO: <i>Premature Rupture of Membrane (PROM) &amp; Preterm Premature Rupture Of Membrane (PPROM)</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
22/11/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit: Massive PPH</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
4/12/23	Klinik O&G	CME MO : <i>Caesarean Scar Ectopic Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
6/12/23	Klinik O&G	CME MO : <i>Management Of B-Thalassemia In Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
20/12/23	Klinik O&G	<i>Near Miss Audit: Massive PPH</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik



Tarikh	Tempat	Tajuk	Sasaran
25/1/23	Dewan Bersalin	<i>Eclampsia &amp; Assisted Breech Delivery</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
20/3/23	Dewan Bersalin	<i>Twin Pregnancy</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
26/4/23	Dewan Bersalin	<i>Cord Prolapse</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
29/5/23	Dewan Bersalin	<i>Postpartum Haemorrhage</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
19/6/23	Dewan Bersalin	<i>Shoulder Dystocia</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
31/7/23	Dewan Bersalin	<i>Cord Prolapse</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
28/8/23	Dewan Bersalin	<i>Assisted Breech Delivery</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik
12/12/23	Dewan Bersalin	<i>Shoulder Dystocia</i>	Pegawai Perubatan, PPS dan Paramedik

Jadual 35: Bilangan Drill Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2023.

Bil	Tarikh	Tempat
Tiada Kes Bagi Tahun 2023		

Jadual 36: Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Kematian Ibu

# 0%

Tiada kes kematian ibu di  
HTM bagi tahun 2023



## PERANCANGAN

01

Mengadakan mesyuarat mortaliti dan morbiditi setiap kali berlaku kes kematian

02

Drill dilaksanakan secara berkala dan berterusan sebanyak 12 kali setahun

03

Melaksanakan audit mortaliti dan morbiditi setiap kali berlaku kes kematian

04

Meneruskan aktiviti pembelajaran secara berterusan

05

Mengadakan kursus sebagaimana yang dirancang

06

Menyediakan laporan tahunan

## KESIMPULAN

- Tiada kes kematian maternal bagi tempoh Januari – Disember 2023.
- Dengan pelaksanaan aktiviti kualiti inisiatif diharapkan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Setiap cadangan, tindakan pembedahan dan penambahbaikan yang diputuskan di dalam mesyuarat/audit dapat memperbaiki kelemahan atau "shortfall" dalam pengurusan penjagaan ibu.
- Diharapkan setiap kakitangan di Jabatan O&G Hospital Tanah Merah bersama berusaha ke arah meningkatkan kualiti berterusan di Hospital ini. Peningkatan mutu perkhidmatan dapat mewujudkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan.



## 3.6 PERINATAL MORTALITY



Kadar mortaliti dan morbiditi perinatal merupakan satu indikator yang penting untuk menilai kualiti perkhidmatan dan penjagaan antenatal, semasa bersalin dan postnatal serta pengurusan bayi baru lahir sehingga discaj.

### 01.

*Perinatal mortality and morbidity review* perlu diadakan secara berkala untuk memantau keberkesanan penjagaan ke atas ibu mengandung, semasa tempoh *intrapartum* dan *postpartum* serta penjagaan bayi baru lahir semasa di wad postnatal dan juga di wad *Special Care Nursery (SCN) / Neonatal Intensive Care Unit (NICU)*

### 03.

Membincangkan pembetulan dan penambahbaikan dalam penjagaan ibu mengandung dan bayi baru lahir untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang.

### 02.

Mengenalpasti *substandard care* yang wujud di dalam pengurusan ibu mengandung, kes ibu bersalin serta pengurusan bayi baru lahir.

### 04.

Meningkatkan mutu perkhidmatan dalam penjagaan ibu mengandung dan pengurusan bayi baru lahir agar kadar mortaliti dan morbiditi di kalangan bayi semasa dan selepas bersalin dapat diturunkan

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Jadual 37 hingga Jadual 40 menunjukkan aktiviti dan pencapaian yang telah dicapai sepanjang tahun 2023. Selain itu, pembelajaran klinikal sentiasa diberikan oleh Pakar O&G dan Pakar Pediatrik kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Perubatan Siswazah dan para Jururawat di Dewan Bersalin, SCN/NICU, Wad 3 dan Wad 2.

TARIKH	TEMPAT	TAJUK KURSUS	SASARAN
12-13 Mac 2023	HTM	NRP Bil 1/2023	Pegawai Perubatan dan Paramedik
15 Mac 2023	HTM	<i>Refresher Breast Feeding</i>	Pegawai Perubatan dan Paramedik
21-22 Jun 2023	HTM	<i>Ultrasound Course</i>	Pegawai Perubatan dan Paramedik
25-26 September 2023	HTM	NRP Bil 2/2023	Pegawai Perubatan dan Paramedik
26-27 September 2023	HTM	OLSS	Pegawai Perubatan dan Paramedik

Jadual 37: Bilangan Latihan Dan Kursus Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2023

TARIKH	TAJUK	BILANGAN KAKITANGAN YANG HADIR			
		PAKAR	MO	HO	JURURAWAT
14.02.2023	APH	4	10	2	6
21.02.2023	<i>Perinatal Morbidity Audit</i>	3	7	2	6
14.03.2023	<i>Weekly Caesarean Audit</i>	3	7	4	3
21.03.2023	<i>Massive PPH</i>	3	7	11	3
29.03.2023	<i>Perinatal mortality Audit</i>	7	16	3	10
10.05.2023	<i>Birth Injury</i>	9	5	3	9
16.06.2023	<i>Perinatal Morbidity Audit</i>	2	11	7	3
11.07.2023	<i>Massive PPH</i>	4	11	2	16
18.07.2023	<i>Uterine Rupture</i>	2	3	2	17
16.08.2023	<i>Preterm labour</i>	3	4	6	5
05.09.2023	<i>PPROM and PROM</i>	2	2	6	5
18.10.2023	<i>Rhesus Isoimmunization</i>	3	5	6	4
07.11.2023	<i>Preterm Birth</i>	4	6	6	20
05.12.2023	<i>Perinatal dan Mortality Audit</i>	7	13	2	11

Jadual 38: Bilangan CME dan Audit Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2023



TARIKH	TAJUK	BILANGAN KAKITANGAN YANG HADIR			
		PAKAR	MO	HO	JURURAWAT
25.1.2023	Eclampsia	3	4	5	6
20.3.2023	Twin Pregnancy	3	5	5	5
26.4.2023	Cord Prolapse	4	5	5	8
17.4.2023	Assisted Breech Delivery	2	7	5	6
22.5.2023	PPH	2	5	6	9
19.6.2023	Shoulder Dystocia	2	6	5	4
24.7.2023	Instrumental Delivery	3	4	5	6
21.8.2023	Retained Placenta and Uterine Inversion	3	5	6	5
25.9.2023	Eclampsia	3	4	5	6
23.10.2023	Assisted Breech Delivery	3	4	5	8
20.11.2023	PPH	3	5	6	5
12.12.2023	Shoulder Dystocia	3	4	5	6

Jadual 39 : Bilangan Drill Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2023


Bil	Tarikh	Tempat
1.	03.04.2023	Klinik Pakar O&G Hospital Tanah Merah
2.	22.08.2023	Klinik Pakar O&G Hospital Tanah Merah
4.	29.03.2023	Dewan Mas Merah Hospital Tanah
5.	05.12.2023	Bilik Mesyuarat Utama Hospital Tanah Merah
6.	12.01.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah
7.	13.07.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah
8.	11.10.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah
10.	25.05.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Jeli
11.	02.11.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Jeli
12.	12.10.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Machang
13.	08.06.2023	Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas

Jadual 40: Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Kematian Perinatal Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2023



Bil	Tarikh	Umur	Tempat Kematian	Sebab Kematian
1.	Februari	NB	NICU HTM	<i>Severe Meconium Aspiration Syndrome With Massive Air Leak Syndrome</i>
2.	September	8 HARI	NICU HTM	<i>Septicaemic Shock With Multiorgan Involvement</i>

Jadual 41 : Bilangan Kes Kematian Bayi Bagi Januari – Disember 2023 Di Hospital Tanah Merah



Rajah 44: Jumlah Kes Kematian Perinatal Bagi Januari- Disember 2023

## KESIMPULAN

- Jumlah kelahiran hidup untuk tahun 2023 adalah sebanyak 3765.
- Jumlah kematian perinatal bagi tempoh Januari sehingga Disember 2023 adalah 30 kes.
- Dengan pelaksanaan aktiviti inisiatif kualiti diharap dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Setiap cadangan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang diputuskan di dalam mesyuarat dan audit dapat memperbaiki "shortfall" dalam pengurusan penjagaan ibu dan bayi .
- Diharap setiap kakitangan Jabatan O&G dan Jabatan Pediatrik Hospital Tanah Merah berusaha ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan di hospital ini. Peningkatan mutu perkhidmatan dapat mewujudkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan.





# 3.7 INFECTION CONTROL


## 3.7.1 LATAR BELAKANG

Pelaksanaan program kawalan infeksi secara komprehensif di Hospital Tanah Merah telah dimulakan pada 2 April 1997. Salah satu fungsi utama Unit Kawalan Infeksi adalah menjalankan aktiviti mencegah, mengawal dan memantau *Healthcare Associated Infection* (HCAI). HCAI atau jangkitan yang berlaku di fasiliti kesihatan adalah penyakit yang boleh dielakkan dengan menekankan kepentingan pematuhan kepada amalan kawalan infeksi kepada semua anggota kesihatan.

Program Kawalan Infeksi yang aktif dan berterusan adalah sangat penting bagi mengurangkan kadar jangkitan nasokomial serta dapat mengurangkan kos hospital. Hospital ini juga dinaikkan taraf kepada hospital berpakar pada 2 Ogos 2007. Oleh dengan itu, khidmat kepakaran yang beroperasi ini, jumlah pesakit yang mendapat rawatan di Hospital Tanah Merah turut meningkat.

## 3.7.2 STATISTIK & PENCAPAIAN

### 3.7.2.1 PERATUS JANGKITAN RESISTANT ORGANISM




Rajah 45 : Perbandingan Pemantauan *Healthcare Associated Infection* untuk Hospital Tanah Merah bagi Tahun 2018 Hingga Ke 2023

Rajah 45 menunjukkan perbandingan pemantauan *healthcare associated infection* untuk Hospital Tanah Merah bagi tahun 2018 hingga ke 2023. Jumlah kes dari tahun 2018 ke tahun 2019 menunjukkan peningkatan kes dari 0.4% ke 0.7%. Kemudian, kes menjadi konsisten selama dua tahun iaitu pada tahun 2019 ke 2020 dengan peratusan 0.7%. Terdapat sedikit peningkatan kes pada tahun 2021 dengan 0.8% sebelum berlaku penurunan kes pada tahun 2022 hingga 0.5%. Peningkatan kes yang agak ketara pada tahun 2023 dengan peratusan 0.9%.



### 3.7.2.2 PERBANDINGAN JUMLAH DAN KADAR HEALTHCARE ASSOCIATED INFECTION MENGIKUT KATEGORI DAN DISIPLIN BAGI TAHUN 2022 DAN 2023



Rajah 46 : Jumlah Dan Kadar HCAI Mengikut Kategori bagi Tahun 2022 dan 2023




Rajah 47 : Jumlah dan Kadar HCAI Mengikut Disiplin bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 46 dan Rajah 47 menunjukkan jumlah dan kadar HCAI mengikut kategori dan disiplin bagi tahun 2022 dan 2023. Disiplin yang mempunyai kes tertinggi adalah Jabatan Perubatan dengan 87 kes. Kes ini juga menyumbang paling banyak pada kategori *Hospital Acquired Pneumonia* dan diikuti dengan *Bloodstream Infection* di Hospital Tanah Merah. Kes yang paling terendah adalah Jabatan O&G dengan 4 kes dengan peratusan 1%.




### 3.7.2.3 PERATUS JANGKITAN METHICILLIN RESISTANT STAPHYLOCOCCUS AUREUS (MRSA)



Rajah 48 : Jumlah dan Kadar MRSA bagi Tahun 2022 Dan 2023

Rajah 48 di atas menunjukkan peratusan dan jumlah kes jangkitan MRSA bagi tahun 2022 dan 2023. Jumlah kes pada tahun 2023 menyapu bersih dengan 0 kes berbanding tahun sebelum itu dengan 3 kes. Secara keseluruhan, kadar MRSA bagi Hospital Tanah Merah telah menepati sasaran kebangsaan iaitu  $\leq 0.3\%$ .

### 3.7.2.4 KADAR JANGKITAN ESBL KLEBSIELLA PNEUMONIA




Rajah 49 : Jumlah dan Kadar ESBL Pneumonia bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 49 di atas menunjukkan peratus ESBL *Klebsiella Pneumoniae* bagi tahun 2022 hingga 2023. Secara keseluruhannya, terdapat tren peningkatan dari tahun 2022 ke tahun 2023 dari 16 kes ke 18 kes. Walaubagaimanapun, purata untuk kedua-dua tahun adalah 0.1% dan kadar jangkitan masih dalam sasaran kebangsaan ( $\leq 0.3\%$ ).




### 3.7.2.5 KADAR JANGKITAN ESBL *ECHERICHIA COLI* (E.COLI)



Rajah 50 : Jumlah Dan Kadar ESBL E.Coli Bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 50 menunjukkan jangkitan ESBL E.Coli bagi tahun 2022 hingga tahun 2023. Peratus jangkitan ESBL E. Coli secara keseluruhan ada penurunan dari tahun 2022 ke 2023. Peratusan ini adalah rendah berbanding dengan kadar kebangsaan ( $\leq 0.2\%$ ). Purata pada tahun 2022 adalah 0.09% dan menunjukkan penurunan pada tahun 2023 dengan purata 0.06%. Secara keseluruhan, kadar jangkitan ESBL E. Coli bagi Hospital Tanah Merah masih menepati kadar standard kebangsaan.

### 3.7.2.6 KADAR JANGKITAN MRO *ACINETOBACTER BAUMANNII*




Rajah 51 : Jumlah dan Kadar *Acinetobacter Baumannii* (MDRO) bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 51 di atas menunjukkan kadar jangkitan MDRO *Acinetobacter Baumannii* bagi tahun 2022 hingga 2023. Kadar jangkitan MDRO *Acinetobacter Baumannii* menunjukkan penurunan dari tahun 2022 ke 2023 dengan 42 kes ke 25 kes. Purata kes dari tahun 2022 adalah 0.3% turun ke 0.1% pada tahun 2023. Secara keseluruhan, jumlah kes pada tahun 2023 mencapai sasaran kebangsaan iaitu  $\leq 0.3$ .




### 3.7.2.7 KADAR JANGKITAN CARBAPENEM RESISTANT ENTEROBACTERIACEAE (CRE)



Rajah 52 : Jumlah Dan Kadar *Carbapenem Resistant Enterobacteriaceae* (CRE) bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 52 di atas menunjukkan kadar jangkitan *Carbapenem Resistance Enterobacteriaceae* (CRE) bagi tahun 2022 dan 2023. Secara umumnya, terdapat penurunan kadar jangkitan pada tahun 2023 berbanding 2022. Terdapat 6 kes pada tahun 2022 dengan purata 0.04% dan 5 kes pada tahun 2023 dengan purata 0.02%. HTM mencapai sasaran yang ditetapkan oleh standard kebangsaan iaitu  $\leq 0.10\%$ .

### 3.7.2.8 KADAR JANGKITAN VANCOMYCIN RESISTANT ENTEROCOCCUS (VRE)




Rajah 53 : Jumlah Dan Kadar Jangkitan *Vancomycin Resistant Enterococcus* (VRE) bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 53 menunjukkan kadar jangkitan *Vancomycin Resistant Enterococcus* (VRE) bagi tahun 2022 dan 2023. Jumlah kes di Hospital Tanah Merah adalah rendah dengan hanya 1 kes yang dilaporkan pada tahun 2023 di Jabatan Perubatan.




### 3.7.2.9 KADAR JANGKITAN HEALTHCARE ASSOCIATED INFECTION (HCAI)



Rajah 54 : Jumlah Dan Kadar kadar jangkitan *Healthcare Associated Infection* bagi Tahun 2022 dan 2023

Rajah 54 menunjukkan kadar jangkitan *Healthcare Associated Infection* dari tahun 2022 hingga tahun 2023. Bermula tahun 2019, *point prevalence survey* dijalankan sekali setahun. Terdapat penurunan kadar jangkitan pada tahun 2023 dengan 4.5% berbanding 7% pada tahun 2022. Pada tahun 2023, kadar jangkitan HCAI mencatatkan penurunan peratusan 4.5% dan masih mencapai sasaran kebangsaan (<5%). Kebanyakan kes adalah *Hospital Acquired Pneumonia* (HAP), *Bloodstream Infection* (BSI) dan *Urinary Tract Infection* (UTI) yang disebabkan oleh pelbagai faktor seperti penggunaan agen *antimicrobial* yang tinggi semasa rawatan pesakit di wad dan di Intensive Care Unit (ICU).

### 3.7.2.10 KEPATUHAN KEPADA AMALAN HAND HYGIENE



Rajah 55 : Peratus Audit Kepatuhan *Hand Hygiene* Bagi Tahun 2021-2023





Rajah 56 : Peratus Audit Kepatuhan Hand Hygiene Mengikut Disiplin Bagi Tahun 2022 dan Tahun 2023

Rajah 55 dan 56 menunjukkan peratus audit kepatuhan amalan *hand hygiene* untuk Hospital Tanah Merah untuk tahun 2021 hingga 2023. Terdapat penurunan kepatuhan pada tahun 2023 sebanyak 89% berbanding tahun 2021 dan 2022 sebanyak 92%. Kepatuhan *hand hygiene* yang tertinggi adalah Jabatan Bius dengan 96%. Manakala Jabatan Ortopedik menunjukkan kepatuhan *hand hygiene* yang paling rendah dengan 84% bagi tahun 2023.





### 3.7.3 AKTIVITI & LATIHAN

1. Mesyuarat bersama *link nurse* telah dijalankan pada 14 Feb 2023.
2. Mesyuarat HIACC dijalankan pada 27 Julai 2023.
3. Kursus IPC & AMS telah dijalankan pada 11 Okt 2023.
4. Pameran *hand hygiene* telah diadakan pada bulan Nov 2023.

### 3.7.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat peningkatan *Healthcare Associated Infection (HCAI)* di Hospital Tanah Merah pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.9% dengan 155 kes daripada 17580 jumlah kemasukan pesakit ke hospital. Fasiliti yang paling banyak menyumbang kepada HCAI adalah dari wad perubatan dan ICU serta menunjukkan peningkatan ketara dalam kategori *Hospital Associated Pneumonia (HAP)* dan *Bloodstream Infection (BSI)*.

Kajian *point prevalence survey* di Hospital Tanah Merah juga menunjukkan penurunan sebanyak 4.5% pada tahun 2023 berbanding 7% pada tahun 2022, mencapai sasaran kebangsaan kurang dari (<5%).

Penurunan kepada kepatuhan audit *hand hygiene* sebanyak 89% pada tahun 2023 turut menyumbang kepada peningkatan kes *Healthcare Associated Infection* di Hospital Tanah Merah.




# 3.8 UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN


Saringan kesihatan bagi kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan salah satu skop bagi program KOSPEN Plus dan merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) Pengarah Kesihatan Negeri. Seramai 280 orang kakitangan daripada 437 orang yang layak menjalani saringan telah disaring.

JUMLAH KAKITANGAN	JUMLAH KAKITANGAN YANG TIDAK MEMPUNYAI FAKTOR NONCOMMUNICABLE DISEASES (NCD) ATAU MENGANDUNG	JUMLAH PEKERJA YANG LAYAK DAN TELAH DISARING
1054	437	280


Jadual 42: Jumlah Kakitangan HTM Dan Jumlah Pekerja Yang Layak Disaring.



**Jumlah kakitangan kontrak di HTM**



**Jumlah Pekerja yang layak disaring**



**Jumlah pekerja yang layak & telah disaring**



### 3.8.1.2 AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN (AUDIT FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti juga lain-lain majikan adalah bertanggungjawab di atas keselamatan dan kesihatan para pekerjanya dan juga orang ramai yang berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan di kemudahan-kemudahan kesihatan termasuk hospital. Mereka sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai jenis *hazard* yang terdapat di tempat kerja sama ada *hazard* fizikal, biologi, kimia, ergonomik dan psikososial. Contoh *hazard* fizikal seperti kebisingan dan peralatan tajam, *hazard* biologi seperti darah/cecair yang tercemar dengan bakteria/virus, *hazard* bahan kimia seperti bahan pelarut, *hazard* ergonomik seperti mengangkat beban yang berat serta *hazard* psikososial seperti kerja penggiliran (*shiftwork*), terlalu banyak kerja dan sebagainya. Adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan sebagai pihak yang mewujudkan *hazard* dan risiko serta semua anggota kesihatan sebagai pihak yang mengendalikan *hazard* dan risiko bekerjasama memastikan tempat kerja mereka adalah tempat yang paling sihat dan selamat.

BIL.	NAMA FASILITI	MARKAH
1	Makmal Mikrobiologi	86.60%
2	Jabatan Radiologi	89.70%
3	Jabatan Kecemasan dan Trauma	86.90%
4	Unit Rawatan Rapi (ICU)	95.50%
5	Dapur (Dietatik)	94.90%

Jadual 43: Fasiliti Yang Menjalani Audit Keselamatan Pada Tahun 2023

Target  
pencapaian


>70%

5 tempat wajib  
audit

Audit dijalankan adalah bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat secara praktikal serta dapat mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan kepada anggota kesihatan serta orang ramai yang berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan di HTM. Pada tahun 2023, UKKP telah menjalankan 5 audit di fasiliti kesihatan iaitu Jabatan Kecemasan dan Trauma, Unit Rawatan Rapi, Jabatan Radiologi, Makmal Mikrobiologi dan dapur (Jabatan Dietatik).




### 3.8.1.3 PELAPORAN DAN PENYIASATAN KEJADIAN KEMALANGAN DAN PENYAKIT KERACUNAN



Rajah 57 : Jumlah *Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Poisoning and Occupational Disease (NADOPOD)*

Rajah 57 menunjukkan pecahan kes mengikut jenis kemalangan dan penyakit keracunan yang dilaporkan di HTM dari tahun 2021- 2023. Kes tusukan alatan tajam mencatatkan jumlah kes insiden tertinggi pada tahun 2023 sebanyak 7 kes diikuti dengan 3 kes kemalangan serta 1 kes kejadian berbahaya.

### 3.9.1.4 SHARP INJURY SURVEILLANCE (SIS)



Rajah 58 : Jumlah Kes *Sharp Injury Surveillance (SIS)* Mengikut Kategori Jawatan

Rajah 58 menunjukkan peningkatan kes insiden *sharp injury* mengikut kategori jawatan . Pegawai perubatan mencatatkan bilangan kes tertinggi seramai 4 orang pada tahun 2023 diikuti 1 orang masing-masing bagi kategori Pegawai Perubatan Siswazah, Penolong Pegawai Perubatan dan Radicare. Manakala kategori Pemandu dan Jururawat masing-masing mencatatkan 0 kes yang dilaporkan.





## 3.9 FIRE SAFETY

Kebakaran di premis kediaman atau kemudahan awam seperti hospital atau seumpamanya adalah suatu kemalangan tragis yang dapat dihindar atau dicegah sekiranya langkah-langkah keselamatan dan pencegahan diberi keutamaan dan diamalkan. Kecekapan dan kepantasan seseorang anggota untuk bertindak ketika kebakaran terjadi bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan pengetahuan dalam mengawal dan mengendalikan keadaan dengan baik. Apabila berlakunya situasi tersebut, kemusnahan harta benda dan kemalangan jiwa dapat dielakkan sekaligus dapat mengurangkan risiko kerugian yang besar.

Bagi memastikan setiap anggota berpengetahuan dan berkemahiran dalam menghadapi situasi kebakaran, persiapan yang rapi perlulah dibuat. Pelan tindakan merupakan persiapan kebakaran yang merangkumi persiapan anggota dan kemudahan fasiliti dalam menghadapi situasi kebakaran.

Penubuhan Pasukan Keselamatan Kebakaran Hospital iaitu OKK (Organisasi Keselamatan Kebakaran) banyak membantu memberi pengetahuan kepada kakitangan dalam siapsiaga menghadapi kebakaran terutama di premis hospital .

**“ Jawatankuasa OKK diketuai oleh Pengarah Hospital dan AJK adalah terdiri daripada kakitangan hospital, Radicare dan Unit Keselamatan”**



### 3.9.2 AKTIVITI & LATIHAN

No.	Aktiviti/Tajuk	Bilangan anggota terlibat
1.	Kem Jati Diri dan Kursus Menangani Kebakaran OKK	34
2.	Mesyuarat Aktiviti OKK Bersama Bomba	28
3.	Kem Jati Diri dan Meyelamat di Air Danau Tok Uban	32
4.	Pemeriksaan <i>Fire Certificate</i> (FC) Oleh Pegawai Bomba	14
5.	<i>Fire Drill</i> dan <i>Table Top</i>	76
6.	Ceramah Kebakaran Kepada Pegawai Perubatan Siswazah	19

Jadual 44: Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2023



### 3.9.3 KESIMPULAN

Aktiviti keselamatan kebakaran sangat penting kepada kakitangan hospital kerana ianya dapat membantu pihak pengurusan untuk memastikan keadaan hospital selamat untuk pesakit dan kakitangan .

Dengan kerjasama daripada pihak bomba dan Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran (OKK) Hospital , ramai kakitangan HTM telah dilatih dan mempunyai kemahiran dalam menghadapi sebarang kemungkinan berlaku kebakaran di hospital.



# 3.10 PENGURUSAN BENCANA

Pengurusan bencana merupakan salah satu elemen penting sesebuah hospital dalam mengurus sesuatu insiden bencana samada bencana dalaman atau bencana luaran.

## LATAR BELAKANG

Pelan tindakan dan pengurusan bencana merupakan salah satu dokumen penting bagi memastikan pihak hospital dan Jabatan Kecemasan & Trauma serta jabatan lain yang terlibat di dalam pengurusan bencana peringkat dalaman atau luaran diuruskan dengan lebih teratur dan sistematik.

Jabatan Kecemasan & Trauma adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menilai risiko kejadian bencana, menyediakan pelan tindakan pengurusan bencana peringkat dalaman atau luaran serta koordinasi semasa berlakunya bencana.

Pengurusan bencana dan *mass casualty* insiden perlu diuruskan secara sistematik dan teratur bagi mengelakkan insiden yang berlaku tidak dapat dikawal dengan baik serta sistem perawatan yang sistematik dapat diberikan kepada mangsa.


## KATEGORI BENCANA

Sepertimana maklum, fasa bencana dikategorikan kepada 4 fasa iaitu:

- **Fasa Mitigasi / Pencegahan**
- **Fasa Persediaan**
- **Fasa Respon**
- **Fasa Pemulihan**



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



## STATISTIK & PENCAPAIAN

Kategori Kejadian	Bilangan kes
<i>Disaster</i>	0
<i>Mass Casualty Incident</i>	0
<i>Code Blue</i>	10

Jadual 45 menunjukkan tiada insiden yang melibatkan kejadian bencana dan Mass Casualty Incident dilaporkan pada tahun 2023.

Sebanyak 10 kes *Code Blue* telah dilaporkan sepanjang tahun 2023.

Jadual 45: Laporan kejadian Bencana dan *Mass Casualty Incident* (MCI) Bagi tahun 2023

## AKTIVITI DAN LATIHAN

Pada tahun 2023, beberapa orang kakitangan dari pelbagai kategori jawatan seperti di Jadual 48 telah terlibat dalam latihan bencana sebagai salah satu pendedahan tentang tatacara pengurusan bencana. Selain itu, taklimat mengenai pengurusan bencana turut diberikan kepada kakitangan baru sebagai pendedahan awal dalam memperkasakan pengurusan bencana.

Bil	Nama kursus	Kategori Jawatan			
		Pakar	Pegawai Perubatan	Pen. Pegawai Perubatan	Jururawat
1.	Basic Medical Emergency Response Team	1	3	3	0
2.	Advanced Medical Emergency Response Team			1	0

Jadual 46: Latihan Dan Kursus Yang Telah Dijalankan Bagi Tahun 2023

Bagi memastikan pengurusan bencana dan *mass casualty* insiden dapat diuruskan dengan sistematik, beberapa aktiviti utama telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan pelan tindakan yang dirangka mampu memberikan impak yang baik kepada pelanggan dan juga kakitangan seperti di Jadual 46.



No.	Aktiviti/Tajuk	Perancangan	Perlaksanaan	Catatan
1.	Buku Pelan Tindakan Bencana Hospital Tanah Merah	Disember 2023		
2.	Pelan Tindakan Code Blue	Disember 2023	Disember 2023	Untuk semakan
3.	Table Top Exercise – Code Blue		Tiada	Tiada peruntukan
4.	Table Top Exercise – Disaster / Mass Casualty Incident		Tiada	Tiada peruntukan
5.	Disaster Drill – Dalaman 1. Kursus TOT Disaster Management Peringkat JKN 2. Kursus Pengurusan Bencana Peringkat Kluster Barat		7-8 Mac 2023 23 Mei 2023	Penglibatan kakitangan jabatan kecemasan
6.	Disaster Drill - Luaran	Tiada	Tiada	

Jadual 47: Aktiviti Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2023

## KESIMPULAN

Jabatan Kecemasan & Trauma HTM akan terus memastikan proses persediaan, pengaktifan, respon dan proses pengurusan selepas berlaku bencana diuruskan dengan baik. Kerjasama antara jabatan dan unit juga perlu dimantapkan dalam memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih efisien dan berkesan.

Jabatan Kecemasan & Trauma juga akan merancang dan melaksanakan aktiviti yang melibatkan bencana mengikut kesesuaian masa, peruntukan dan keperluan semasa bagi memastikan pengurusan bencana dapat dijalankan dengan baik.





# PENUTUP



Kesimpulannya, Hospital Tanah Merah (HTM) telah mencapai banyak kemajuan yang signifikan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan efektif sepanjang tahun 2023. Melalui pelaksanaan inisiatif seperti *Lean Transformation 2.0* dan *Good Service Delivery (GSD)*, hospital ini berusaha meningkatkan kecekapan operasi serta pengalaman pesakit. Selain itu, HTM telah berjaya mencapai banyak indikator kualiti dalam bidang klinikal, keselamatan dan kepuasan pelanggan sekaligus menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kesejahteraan pesakit dan produktiviti kakitangan.

Sebagai hospital kluster utama di kawasan barat, HTM telah membuktikan keberkesanannya dalam menyediakan rawatan yang terbaik melalui peningkatan fasiliti dan pengurusan keselamatan yang menyeluruh. Semua pencapaian ini menggambarkan dedikasi kakitangan HTM dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berinovasi untuk masa depan.



# TERIMA KASIH

kerana menggunakan perkhidmatan  
Hospital Tanah Merah



Phone

**09-954 5000**



Email

**htm@moh.gov.my**



Website

**<https://hmerah.moh.gov.my>**



Office Address

**Jalan Hospital, 17500 Tanah  
Merah**